

## Memohon Rezeki

Daripada Ali bin Abi Talib RA, katanya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ أُنْعِمَ عَلَيْهِ نِعْمَةً فَلْيُحْمَدِ اللَّهَ، وَمَنْ اسْتَبْطَأَ الرِّزْقَ فَلْيَسْتَغْفِرِ اللَّهَ، وَمَنْ أَحْزَنَهُ  
أَمْرٌ فَلْيَقُلْ: لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

**Maksudnya:** "Siapa yang dikurniakan ke atasnya nikmat, maka hendaklah ia memuji Allah, dan siapa yang rezekinya payah maka hendaklah beristighfar kepada Allah, dan siapa yang dilanda kerunsingan, maka hendaklah ucapkan: لا حول ولا قوة إلا بالله"

Riwayat al-Baihaqi di dalam *Syu'ab al-Iman* (1/441), no. (651)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Para ulama tafsir berbeza pendapat berkenaan *istighfar* dan taubat. Sebahagian menafsirkan istighfar sebagai memohon keampunan sedangkan taubat bermaksud kembali ke pangkuan Allah. Sebahagiannya pula menafsirkan *istighfar* sebagai meminta ampun terhadap perkara yang telah lepas. Sedangkan taubat adalah meminta keampunan daripada perkara maksiat pada masa akan datang. Al-Farra' pula mengatakan: Istighfar dan taubat merujuk kepada perkara yang sama. Maka taubat itu disebut untuk menjelaskan istighfar itu sendiri.
2. Hadis ini mengajar kita supaya bersyukur atas kurniaan Allah. Walaupun begitu warna-warna kehidupan tidak semestinya dalam kesenangan dan kekayaan, terjadi juga kesukaran dan keputusan kewangan. Mengajar kepada

kita untuk mengambil tindakan yang betul dan bukan dengan jalan pintas yang diharamkan oleh Allah. Sebaliknya bermuhasabah di samping membanyakkan istighfar boleh memberi kelebihan kepada seseorang.

3. Walaupun begitu, menggunakan akal fikiran bagi merealisasikan cita-cita untuk mencapai matlamat amat diperlukan. Seterusnya disusuli dengan tindakan dan perancangan yang rapi berserta yakin dengan firman Allah SWT:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۖ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا

**Maksudnya:** Kerana sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan, sesungguhnya sesudah kesulitan itu ada kemudahan.

(Surah al-Insyirah: 5-6)

4. Ayat ini menunjukkan bahawa di sebalik kesulitan terdapatnya kemudahan atau jalan keluar. Setiap musibah ada batas waktunya dan setiap kesulitan selamanya tidak akan boleh mengalahkan kemudahan. Oleh itu, sabar adalah kunci kepada semua kelapangan dan kunci semua keberhasilan. Dan juga sebagai suatu yang terbaik dalam menghadapi segala kemelut persoalan.
5. Barangsiapa yang mampu menghadapi segala ujian dengan penuh kesabaran, reda atas aturan atau ketentuan Allah, bersyukur atas segala kurniaan-Nya, maka Allah akan membukakan baginya segala rahsia di sebalik semua ujian dan musibah yang menyimpannya.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Perbanyakkan membaca istighfar, sebab dengan istighfar akan ada rezeki, akan ada jalan keluar, akan ada keluarga, akan ada ilmu yang berguna, akan ada kemudahan dan akan ada penghapusan dosa.
- ❖ **Pujangga berkata:** Carilah rezeki yang halal dan jauhi rezeki yang haram. Hindarkan dirimu untuk meminta-minta kepada orang. Pedagang itu lebih baik daripada menjadi pegawai. Gunakan wangmu untuk berdagang dan hiduplah dengan sederhana.

## Kisah Teladan

Sebuah cerita lagi dari Sariy al-Saqati diceritakan bahawa: Pada suatu hari saya mendatangi kawasan perkuburan untuk menziarahi kubur dan membaca sesuatu kepada penghuni-penghuninya. Tiba-tiba terlihat Bahlul al-Majnun. Aku lihat Bahlul al-Majnun berada di sebuah kubur di situ. Dia sedang menggolek-golek tubuhnya di atas tanah kubur itu. Aku tidak hairan melihat apa yang dilakukannya kerana sememangnya aku sudah tahu bahawa perbuatannya selalu ganjil, yang mana orang lain tidak pernah lakukan, sebab itu orang ramai menyebutnya sebagai “Bahlul si gila.”

“Kenapa engkau berada di sini?” Tanyaku pada si Bahlul itu.

“Memang aku cukup suka dan selesa berada di sini, mereka tidak pernah menyusahkan aku dan apabila aku pergi dari sini mereka tidak pernah mencaci di belakangku,” tambahnya lagi dengan puas hati.

Aku merenung wajahnya, dan aku tahu perkataan seumpama ini bukanlah kata-kata yang biasa diucapkan olehnya. Ucapan bernas dan penuh pengertian ini amat mendalam sekali.

Aku dapat memahami ucapannya, bahawa manusia sekarang sememangnya tidak terlepas dari mencaci atau dicaci, mengganggu orang lain atau diganggu. Dunia hari ini telah rosak akhlaknya, manusia tidak pedulikan lagi betul atau salah dan dosa atau pahala. Mereka lebih suka mengikut hawa nafsu semata-mata meskipun hawa nafsunya itu kerap kali membawa kepada malapetaka dan kebinasaan yang besar.

Aku berdiam sebentar, tidak tahu apa yang akanku tanyakan kepadanya lagi. Aku tidak mahu tersalah tanya kepadanya, nanti mana tahu aku menerima jawapan yang tidak menyenangkan dirinya. Orang seperti itu pemiliknya bergerak cepat, mungkin apa yang dikatakannya itu berupa ilham dari Tuhan Yang Maha Kuasa.

Wahai Bahlul! Tahukah engkau bahawa harga roti sekarang sudah naik? Lidahku tiba-tiba mengatakan itu, dan aku sendiri tidak tahu kenapa sampai aku mempersoalkan tentang harga roti pula.

Demi Allah aduhai Sariy, aku tidak peduli berapa sahaja harganya itu, walaupun sampai sebatang roti berharga sedinar sekalipun. Itu bukan urusan kita,

jawabnya tegas dengan wajah yang muncung dan masam. Dia terlalu serius ketika mengucapkan kata-kata itu seolah-olah dia seorang peniaga di pasar.

Apa yang seharusnya dianggap penting ialah kita mesti menyembah Allah dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang diperintahkan. Dan Allah SWT akan mengurniakan rezeki-Nya sebagaimana yang dijanjikan. Harga roti naik atau turun bukan menjadi masalah, sebab walau apa pun keadaan yang berlaku sesungguhnya rezeki dari Tuhan tetap ada, Bahlul bersyarah dengan penuh berfalsafah.

